

24 JUN 1975

253

501:

RENCANA BERNAMA (UNTUK SIARAN PADA ATAU SELEPAS RABU , 25 JUN)

PIMPINAN BARU UMNO
OLEH TAN JOOI LONG

UMNO 1

PEMILEHAN SEMULA ENCIK ABDUL GHAFAR BABA DAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH SEBAGAI NAIB-NAIB PRESIDEN UMNO SERTA KEJAYAAN DR. MAHATHIR MENYERTAI MEREKA MERUPAKAN INTISARI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-26.

SETELAH DATO HUSSEIN ONN DISAHKAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN PARTI TANPA SEBARANG CABARAN, PEMILEHAN MEREKA MEWUJUDKAN SEMULA PERTALIAN PEMIMPIN PARTI POLITIK TERKEMUKA DI MALAYSIA YANG SEBELUMNYA SEDIKIT LONGGAR AKIBAT KEMANGKATAN TUN ISMAIL.

KEJAYAAN LUARBIASA ENCIK GHAFAR DAN TENGGU RAZALEIGH MEMBOKTIKAN PERSETUJUAN TEGAS ATAS KEPERCAYAAN PERDANA MENTERI KEPADA MEREKA.

BILA ENCIK GHAFAR DIMINTA LAGI UNTUK MEMANGKU JAWATAN PERDANA MENTERI, BELIAU AKAN BERBUAT DEMIKIAN DENGAN INGATAN BAHWA BELIAU DIPERCAYAI BUKAN SAJA OLEH TUN RAZAK MALAHAN JUGA OLEH SELURUH AHLI UMNO.

BUAT TENGGU RAZALEIGH, KEJAYAANNYA ADALAH PERSETUJUAN DARI SEGI YANG LAIN. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0800/HS

502:

UMNO 2 (RENCANA BERNAMA)

IA MENGESAHKAN PILEHAN MAJLIS TERTINGGI KEATASNYA UNTUK MEMENUHI KEKOSONGAN AKIBAT KENAIKAN PANGKAT DATO HUSSEIN ONN KEPADA TIMBALAN PRESIDEN, DAN PERANAN-PERANANNYA DALAM PERNAS DAN PETRONAS.

KENAIKAN DR. MAHATHIR MEMBERSEHKAN ANGGAPAN TERHADAP HALUAN YANG HARUS DIAMBIL OLEH CMNO, DAN MENGHURMATI SERTA PERHATIAN KEPADA SEORANG TOKOH POLITIK KONTROVERSIL YANG KADANGKALA DISALAHFAHAMKAN ITU.

ENCIK GHAFAR, TENGGU RAZALEIGH DAN DR. MAHATHIR MEMILIKI LATARBELAKANG BERLAINAN.

ENCIK GHAFAR TAJAH HASIL PENDIDIKAN MELAYU TULIN, TENGGU RAZALEIGH SEORANG MUDA PROGRESIF DAN PROFESYENAL YANG MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENINGGIKAN TARAF EKONOMI ORANG-ORANG MELAYU, SEMENTARA DR. MAHATHIR SEORANG PEJUANG DAN PROFESYENAL.

PEMILEHAN MEREKA DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-26 JUGA DIANGGAP OLEH RAMAI PARA WAKIL SEBAGAI DIPERSETUJUI OLEH TUN RAZAK. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0806/HS

503:

UMNO 3 (RENCANA BERNAMA)

KETIGA-TIGA NAMA ITU SAJA YANG SERING DISEBUT OLEH TUN RAZAK DALAM UCAPAN PRESIDENNYA DAN SETIAP KALI BELIAU MENYEBUT NAMA-NAMA ITU PARA WAKIL MENYUARAKAN PERSETUJUAN MEREKA.

PEMILEHAN KETIGA ORANG ITU BUKAN SAJA MENANDAKAN PERTALIAN PIMPINAN PARTI YANG TERUS MENERUS, TETAPI PERBEZAAN UMUR ANTARA ENCIK GHAFAR, TENGGU RAZALEIGH DAN DR. MAHATHIR MALAHAN MENGUATKAN PERTALIAN ITU.

KEJAYAAN MEREKA JUGA TELAH MENTENTERAMKAN KERESAHAN SETENGAH-SETENGAH PARA WAKIL YANG MAHUKAN ADANYA PERIMBANGAN DAERAH DALAM PUCUK PIMPINAN.

KEPADA MEREKA, ADANYA TENGGU RAZALEIGH DAN DR. MAHATHIR MEMBERIKAN IMBANGAN UTARA KEPADA KEHADIRAN DATO HUSSEIN DAN ENCIK GHAFAR DARI SELATAN, DENGAN TUN RAZAK DARI TENGAH. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0808/HS

504:

UMNO 4 (RENCANA BERNAMA) 254

SATU PERKARA YANG TIDAK DIKETEPIKAN OLEH PARA WAKIL IALAH PERLUNYA MEMBERI HAK UNTUK MEMUTUSKAN DASAR KEPADA MEREKA YANG SEDANG MEMEGANG KUASA.

SEMENTARA TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR MEMBAWA PERHATIAN PARA WAKIL DENGAN PENDAPATNYA BAHWA JIKA ADA TOKOH DARI LUAR KERAJAAN (DIRINYA) EBAGAI NAIB PRESIDEN MUDAHLAH DAPAT MEMERHATIKAN PUCUK PIMPINAN, PARA WAKIL BERPENDAPAT ADALAH PENTING PEMBUAT DASAR DAN YANG MELAKSANAKANNYA DIPEGANG OLEH ORANG YANG SAMA.

KEPUTUSAN PEMILEHAN 20 ORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI JUGA MENGGAMBARAKAN KEADAAN TERSEBUT.

ANTARA 20 ORANG ITU, ENAM ADALAH MENTERI, LIMA TIMBALAN MENTERI, LIMA MENTERI BESAR DAN SEORANG KETUA MENTERI. - PERKHIDMATAN BENCANA BERNAMA 0818/HS